# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 23 BILANGAN 42 | RABU 18HB. OKTOBER, 1978. | رابو 16 ذوالقعدة 1398 | PERCHUMA


# KESELAMATAN ASAS KESEJAHTERAAN DAN KEMAKMORAN NEGARA

LUMAPAS. — Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awg Hj Hussein mengingatkan raayat dan pendudok negeri ini supaya terus-menerus menjalankan peranan masing2 dalam menjaga keselamatan yang menjadi asas kesejahteraan dan kemakmoran negara ini.

Perkara itu kata-nya ada-lah penting kita laksanakan dalam saat2 keadaan kita yang sedang menuju ka-arah penchapaian kemerdekaan negara yang pupus dalam jangka lima tahun dari sekarang.

YB Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja telah menekankan demikian ketika merasmikan majlis sambutan Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang ke-32 tahun yang di-anjorkan oleh pendudok2 kampong di-sini pagi Jumaat yang baru lalu.

Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja yang beruchap bagi mewakili YB Setia Usaha Kerajaan yang di-jangka merasmikan perayaan itu pada mula-nya, menambah kata, sa-bagai satu bangsa yang mempunyai unsor2 keBruneian yang terbilang turun-temurun, kita perlu-lah berhati2 menjaga akhlak, keperibadian, keolahan dan tingkah laku.

"Maka kita sa-bagai satu jenerasi yang mewarithi sifat yang di-turun-temurunkan kapada kita itu hendak-lah melipat-gandakan usaha dan tenaga bukan saja untok mempertahankan sifat2 sosial yang bernilai ini, bahkan pada terus-menerus memperbaiki terutama sekali dalam konteks atau keadaan dan siku-liku sosio-ekonomi yang ada sekarang", terang YB Pehin Jawatan Luar.

Di-samping itu YB Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan salanjut-nya mengingatkan lagi mustahak-nya kita berjaga2 dari anasir2 'pembuyok' yang sedang menjalankan tipu muslihat kapada orang2 yang senang di-tipu bagi mendapatkan harta benda yang ada sapertimana yang di-ingatkan oleh Pesurohjaya Pulis baru2 ini.

Lihat muka 16



Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein ketika beruchap sa-belum merasmikan Perayaan Sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-32 tahun di-Kampong Lumapas pada hari Jumaat lalu.

# Jadikan kanak2 sa-bagai raayat bertanggong-jawab

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Perjawatan, Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Awang Haji Mohd Taib mensifatkan, Permainan Lalu-lintas Shell yang di-adakan baru2 ini sa-bagai satu usaha yang berkebajikan ka-arah pendidekan kanak2 dan murid2 sekolah khusus-nya sa-bagai pengguna jalan-raya dan akan menjadi raayat masa depan yang penoh bertanggong-jawab.

Kata-nya, ada-lah menjadi harapan kita semua supaya permainan itu tidak hanya akan tinggal sa-bagai permainan saja malah ia-nya akan menjadi bantuan dan pimpinan bukan sahaja kapada kanak2 dan murid2 tetapi kapada orang2 dewasa ketika ini.

Beruchap ketika merasmikan Peraduan Permainan Lalu-lintas Perengkat Sa-Negeri di-sini pada hari Ahad yang baru lalu, Dato Setia Awang Abdul Rahman berharap, usaha Sharikat Minyak Shell dalam chuba menanamkan semangat mematohi undang2 jalan-raya di-kalangan kanak2 dan murid2 itu patut-lah di-beri sokongan dan sanjongan.

Dalam memahami akan pengertian keselamatan nyawa dan harta benda dengan segala implikasi-nya kapada kita, Dato Setia Awang Abdul Rahman menjelaskan, ada-lah merupakan suatu sifat yang harus dituntut dan sebenar-nya dikehendaki dalam kehidupan kita di-zaman moden ini.

"Dengan ada-nya pengertian kita ini maka perseimbangan di-antara kemewahan yang dinekmati dalam rupa bentok kemudahan2 yang di-sediakan

Lihat muka 16



Dato Setia Awang Abdul Rahman sedang menyampaikan Oskar Kejohanan kapada wakil Sekolah Chung Hwa yang telah berjaya menjadi johan dalam peraduan tersebut.

# "MINGGU KESIHATAN" UNTOK PERANGI PENCHEMARAN SEKITAR

BANDAR SERI BEGAWAN.— Pemangku Pengarah Perkhidmatan2 Perubatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Johar bin Dato Paduka Haji Nordin menyeru kerjasama orang ramai bagi menyertai Minggu Kesihatan yang pertama kali akan di-lancharkan di-Brunei dari 23hb hingga 28hb Oktober ini.

Minggu Kesihatan itu, kata-nya, ada-lah di-hasratkan untok mengujudkan satu keadaan sekitar yang sehat di-Brunei sa-bagai satu keperluan asas bagi Kesihatan Kebangsaan.

Dalam satu perutusan-nya, Pemangku Pengarah Perkhidmatan2 Perubatan itu memandang sa-bagai amat perlu agar sektor2 perniagaan dalam semua perengkat termasok perindustrian2 sama ada kechil atau besar memberikan kerjasama mereka untok mengesankan Minggu Kesihatan itu.



Dato Paduka Dr Haji Johar.

Peranan yang patut di-ambil mereka termasok orang ramai di-sepanjang minggu itu, kata-nya, ia-lah mengambil berat untok mempastikan yang kawasan keliling mereka sentiasa terpelihara kebersehan-nya dan seterus-nya mengamalkan sikap yang terpuji itu.

Dato Paduka Dr. Haji Johar menyarankan bahawa penchemaran keadaan sekitar kita ada-lah sebenar-nya hasil dari pengeluaran sambilan kegiatan2 manusia yang di-buang tidak menentu.

Ini, kata-nya, termasok-lah pembuangan kotoran manusia yang tidak sempurna dan najis2 binatang serta perusahaan2, sampah sarap dari rumah, rachun pembunoh serangga, tin2 serta botol2 kosong yang mana boleh menjadikan tempat2 pembiakan nyamok2 dan sa-bagainya yang boleh menyebabkan penyakit.

Lihat muka 16

JAGA-LAH KEBERSEHAN NEGERI KITA

Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

18HB OKTOBER, 1978

## HAL EHWAL KEBAJIKAN JEMAAH HAJI

KEBERANGKATAN jemaah haji kita yang telah selamat meninggalkan negeri ini menuju tanah suchi Mekah dalam empat penerbangan di-minggu pertama dan kedua bulan ini tanpa aral dan gundala-nya ada-lah menampakkan betapa kelichinan dan kesempurnaan urusan penerbangan jemaah2 haji itu sa-bagai suatu kerja kebajikan yang benar2 mendapat restu dan hidayat dari Allah s.w.t. dalam menyempurnakan niat suchi para jemaah untok menunaikan lambaian Kaabah — Rukun Islam yang ke-lima.

Keberangkatan itu juga sa-chara langsong telah menyatakan kapada kita bahawa perkhidmatan penerbangan yang di-rasai oleh para jemaah benar2 memberikan suatu keselesaan dan kepuasan yang sunggoh tinggi nilai-nya sejak perjalanan demikian mula di-perkenalkan pada tahun 1973 dengan penerbangan kapal terbang sewa khas, apa-tah lagi sejak akhir2 ini ia-nya di-uruskan oleh sharikat penerbangan negara kita, RBA.

Tentu-lah perkhidmatan yang hanya memakan masa sa-lama kira2 40 hari itu bagi urusan pergi dan balek, tidak-lah dapat di-ragukan lagi akan galakan yang di-tunjokan oleh umat Islam negeri ini dalam mana pada tahun itu, tahun 1973 sa-ramai 662 orang jemaah telah berlepas untok menunaikan ibadat tersebut. Tahun itu dapat-lah kita namakan sa-bagai TAHUN HAJI KAPAL TERBANG bagi menggantikan perkhidmatan perjalanan jemaah2 haji menerusi kapal laut.

Jelas-lah dengan pembaharuan dan sambutan yang galak dari umat Islam itu sa-olah2 memberi suatu jawapan kapada kita betapa perkhidmatan tersebut yang memerlukan sa-tiap jemaah menyediakan satu jumlah perbelanjaan yang agak besar tidak menghalang niat suchi mereka, namun semua-nya dapat di-penohi demi untok menchapai kesempurnaan hidup yang di-asaskan oleh Islam.

Di-pehak Kerajaan menerusi Jabatan Hal Ehwal Ugama pula tanggong-jawab untok menyempurnakan hal ehwal jemaah haji tetap di-laksanakan. Tanggong-jawab demikian telah di-uruskan dari saat awal persediaan, jemaah bertolak hingga-lah dalam saat mengerjakan ibadat haji dan membawa kasaat pulang ka-tanah ayer, semua-nya itu benar2 di-rasai oleh para jemaah akan nekmati khidmat-nya.

Kerana itu tidak heran-lah kapada kita kenapa pehak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersusah payah menyediakan beberapa orang Pegawai Perhubong Haji dan Pegawai Perubatan dan Jururawat sa-tiap kali jemaah berlepas ka-tanah suchi. Pun demikian sa-belum para jemaah bertolak mengerja ibadat haji, beberapa kelas bimbingan haji telah di-kelolakan di-beberapa tempat di-negeri ini yang semata2 untok membantu dan menambahkan lagi pengetahuan para jemaah supaya mereka benar2 memenohi kesempurnaan ibadat yang di-perlukan. Keupayaan pehak Kerajaan dalam hal tersebut amat-lah tinggi nilai-nya kapada jemaah kita ketika ini jika di-bandingkan dengan keadaan jemaah haji yang terdahulu. Maka dari pengalaman yang pernah para jemaah alami sepanjang perjalanan itu tentu menimbulkan kesedaran betapa urusan haji menerusi perjalanan penerbangan ini memerlukan kechekapan dan kemampuan berurus dan berhubong dengan pehak2 tertentu di-lapangan terbang dan sebagai-nya.

Kerana itu tentu besar kenangan dan penghargaan kita umat Islam lebeh2 lagi para jemaah atas sifat kemuliaan pehak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu. Ini jelas memboktikan bahawa Kerajaan Baginda tidak ingin melihat raayat dan pendudok negeri ini bersusah payah dalam sesuatu hal malah jauh sekali untok membiarkan kita saperti "anak ayam yang kehilangan ibu-nya" atau "ibarat kapal patah kemudi".

Rasa-nya, bidang penulisan juga dapat memberikan bantuan yang berkesan dalam memberikan bimbingan dan gambaran2 di-sepanjang perjalanan dan kerja2 ibadat haji. Sa-jauh ini, dua orang pegawai haji telah membuat usaha2 penulisan itu dan telah di-terbitkan di-akhbar ini. Jasa mereka itu tentu-lah menjadi kenangan abadi dan amat dihargakan, bukan saja oleh Kerajaan, bahkan juga masharakat. Sa-tiap tahun, berlaku sa-tiap perubahan, jadi elok benar jika usaha penulisan saperti yang di-buat oleh dua orang pegawai haji itu, di-ekori oleh yang lain-nya agar gambaran2 yang jelas dan bertanggong-jawab itu dapat di-jadikan titik-tolak untok kegunaan masa berikut-nya.

Mudah2an dengan perhatian yang begitu mendalam dari Kerajaan Baginda kapada kita, Allah s.w.t. sahaja yang dapat melimpahkan rahmat dan keberkatan atas usaha yang berkebajikan itu.

# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula pada 12hb Oktober, 1978.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

1. UBI KENTANG — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   - (a) Chop Chin Seng, No. 107, Jalan Chevalier.
   - (b) Sharikat Hj. Abdul Rahman, No. 94, Jalan Chevalier.
   - (c) Ghee Guan, No. 4, Jalan McArthur.
   - (d) Teck Hin, No. 56, Jalan Sultan.
2. GARAM HALUS CHAP PLAYBASKET-BALL — 50 sen sa-kotak boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   - (a) A. Muthian, No. 9, Jalan McArthur.
   - (b) Chai Huat Trading Co., No. B2, Jalan Roberts.
3. KACHANG HIJAU — 60 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : Ming Thai Company, No. 32, Jalan Sultan.

**KUALA BELAIT**

1. UBI KENTANG — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   - (a) Teo Hiang Hing, No. 45, Jalan Pretty.
   - (b) Chop Yee Seng, No. 46, Jalan Pretty.
2. GARAM HALUS CHAP PLAYBASKET-BALL — 50 sen sa-kotak boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   - (a) Chop Lian Ho, No. 24, Jalan Pretty.
   - (b) Kok Kee, No. 60, Jalan Pretty.
3. KACHANG HIJAU — 90 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   - (a) Yick Yuen, No. 3, Jalan Pretty.
   - (b) Kok Kee, No. 60, Jalan Pretty.
   - (c) Ng Ming Hong, No. E, Bangunan Dewan Perdagangan China.
   - (d) Hwa Mee, Bangunan Foo Chow.

**SERIA**

1. UBI KENTANG — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   - (a) Chop Koh Seng Hong, No. 17, Jalan Sultan Omar Ali.
   - (b) Yick Fatt, No. 36, Jalan Sultan.
   - (c) Chop Giap Hin, No. 49-B, Jalan Bunga Kuning.
   - (d) Wong Wah Seng Trading, No. 73, Jalan Bunga Kenanga.
2. GARAM HALUS CHAP PLAYBASKET-BALL — 50 sen sa-kotak boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   - (a) Chop Kun Mee, No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
   - (b) Choo Heng Company, No. 30, Jalan Sultan Omar Ali.
   - (c) Siong Huat, No. 40, Jalan Sultan Omar Ali.
   - (d) Chop Kim Huat, No. 53, Jalan Bunga Kuning.

# Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 19hb hingga 24hb Okt. 1978

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Kawasan Rumah Ketua Kampong, Serasa | 19.10.1978 | Khamis | 3.15– 4.15 petang |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong, Mesjid Lama, Muara | 19.10.1978 | Khamis | 4.30– 5.30 „ |
| Kawasan Mesjid, Kampong Sengkurong | 21.10.1978 | Sabtu | 2.00– 3.00 „ |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas | 21.10.1978 | Sabtu | 3.15– 4.15 „ |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut | 21.10.1978 | Sabtu | 4.30– 5.30 „ |
| Sekolah Melayu Sungai Hanching | 23.10.1978 | Isnin | 3.00– 4.00 „ |
| Berhadapan Kedai, Pekan Muara | 23.10.1978 | Isnin | 4.30– 5.30 „ |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah) | 24.10.1978 | Selasa | 9.15–10.15 pagi |
| Sekolah Melayu Anggerek Desa | 24.10.1978 | Selasa | 10.30–11.30 „ |

# *Peluang memasoki Quiz Suami Isteri*

RADIO Talivishen Brunei akan menyiarkan satu ranchangan baru yang di-beri nama QUIZ SUAMI ISTERI yang akan mula di-rakamkan pada 10hb Nobember, 1978. Ranchangan ini nanti akan mengundang 4 pasangan suami isteri pada tiap2 satu ranchangan ia-itu ka-empat2 pasangan ini nanti akan beradu di-peringkat awal. Dua pasangan yang berjaya akan beradu pula di-peringkat akhir untok menentukan pasangan akan munchol sa-bagai pemenang.

Quiz Suami Isteri akan mengemukakan soalan2 yang mudah mengenai PENGETAHUAN AM, MUZIK, GAMBAR BAHASA dan lain2 soalan tambahan. Di-samping itu pasangan yang berjaya menjawab semua soalan2 dengan betul akan di-beri hadiah istimewa.

Ranchangan ini sudah tentu akan lebeh menarek lagi dengan dua orang pelawak terkenal ia-itu Awg Gillen bin Ahmid dan Awg Zaini bin Haji Abd Wahab yang akan menjadi juruachara dalam ranchangan ini nanti.

Kapada mereka yang ingin menyertai ranchangan QUIZ SUAMI ISTERI ini, di-minta menghubongi PENERBIT QUIZ SUAMI ISTERI, RADIO TALIVISHEN BRUNEI untok mendapatkan borang.

# Senarai Harga Kereta

BERIKUT ia-lah senarai harga kereta bagi dua buah lagi ajen penjual kereta di-negeri ini yang telah di-persetujui oleh Pengawal Harga, Brunei.

Sharikat2 itu ia-lah BOUSTEAD TRADING (S) PTE. LTD. yang menjual kereta jenis Datsun dan DARUS SALAM MOTOR yang menjual kereta jenis Isuzu.

## BOUSTEAD TRADING (S) PTE. LTD.

| JENIS KERETA | HARGA JUALAN (Showroom Selling Price) | HARGA JUALAN PENOH (Selling Price On The Road) |
|---|---|---|
| DATSUN 120Y 4-DOORS STANDARD Model : B310 SUDW | $10,460.00 | $10,827.00 |
| DATSUN 120Y 4-DOORS DELUXE Model : B310 UD | $11,250.00 | $11,653.00 |
| DATSUN 120Y 4-DOORS DELUXE CL Model : B310 UCG air-condition | $13,150.00 | $13,571.00 |
| DATSUN 120Y STATION WAGON STANDARD Model : VB 310 STUW | $11,450.00 | $11,880.00 |
| DATSUN 1500 PICK-UP Model : GN 620 U | $12,250.00 | $12,858.00 |
| DATSUN 160-B SEDAN DELUXE Model : J 810 TUD | $13,300.00 | $13,747.00 |
| DATSUN 160-B STATION WAGON STANDARD Model : VJ 810 STU | $14,300.00 | $14,798.00 |

## DARUS SALAM MOTORS

| | | |
|---|---|---|
| ISUZU GEMINI 4-DOORS SEDAN. Model : PF — 50 radio, cigarette lighter, rear defogger, combination clock, oil pressure and amp. meter gauges in console | $11,840.00 | $12,337.00 |
| ISUZU GEMINI Model : PF 50RK 4-DOORS SEDAN. air-condition, AM radio, cigarette lighter, combination clock, oil pressure, amp. meter gauges in console and rear heater | $13,550.00 | $14,089.00 |
| ISUZU PICK-UP Model : KB — 25 UA (1,584 c.c.) | $11,994.00 | $12,600.00 |
| ISUZU LIGHT TRUCK Model : KAG 51 UA (1,584 c.c.) | $14,815.00 | $15,500.00 |
| ISUZU LIGHT TRUCK Model : TLD 53 (2,369 c.c.) | $21,644.00 | $22,500.00 |

2. Perubahan dan kenaikan harga2 yang tersebut di-atas ada-lah terta'alok kapada turun dan naik-nya nilai mata wang Jepun (wang ringgit Jepun) dan sa-tiap perubahan itu terlebeh dahulu di-persetujui oleh Pengawal Harga.

3 Orang ramai boleh-lah melihat jadual harga2 kereta yang telah di-persetujui, yang telah di-chap dan di-tanda tangani oleh pehak berkuasa Pengawal Harga, mana2 jadual harga kereta yang di-tunjokkan tidak mempunyai chap dan tanda tangan dari pehak berkuasa Pengawal Harga, ada-lah tidak sah. Dan orang ramai ada-lah di-harap memberikan kerja-sama atau melaporkan kapada pehak yang berkenaan, talipon number 25555, Yunit Peranchang Ekonomi, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, mana2 ajen kereta yang telah menyalah gunakan jadual harga kereta yang telah di-tetapkan itu.



# PASSING OUT PARADE FOR 28

MUARA. — The strength of the Fire Brigade was further boosted last Thursday when twenty-eight recruits passed out at a parade held at the Fire Brigade Training School here.

The parade marked the end of twelve tough weeks of training in fire fighting techniques.

The Controller of Customs and Excise, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz reviewed the parade and received the salute.

He also presented awards to the best all-round recruit, Awang Metassim bin Ahmad, the best recruit in practical, Awang Timbang bin Mohammad and the best recruit in theory, Awang Tarsat bin Awang Jahar.

Some of the recruits are seen left giving a demonstration of their skills in dealing with an emergency.

## Lumapas celebrates royal birthday

LUMAPAS. — Kampong Lumapas in the Brunei Muara District last week held a three-day celebration in honour of His Highness the Sultan's thirty-second birthday.

The celebration was declared open by the Director of Welfare, Youth and Sports Department, Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein.

The celebration included performances by the band of the Royal Brunei Malay Regiment, tug-of-war contest, a stage show, football matches and a three-mile race.

## Field Day in Rambai

RAMBAI. — The Tutong District Agriculture Office and the Kampong Rambai Farmers Association last Sunday organised a 'field day' at the Kampong Rambai fruit nursery and paddy field.

About one hundred and fifty farmers from nine kampongs in the area were invited to the field day where they saw exhibits such as paddy, vegetable, maize, water melon and pepper.

They also heard talks by agriculture department officials on, among other things, modern farming techniques.

# MORE AREAS CLEARED AND PLANTED

**THE following is the second and last part of the speech by the Director of Agriculture, Awang R.B. Woodroofe, at the Fourth Brunei Muara District Agricultural Show held at Kilanas on October 1.**

NEW developments are taking place at an ever increasing rate and I would like to mention some of these to remind you that what you see here today is only a part of Brunei's agriculture.

Our training progamme at Sinaut now not only provide courses for young farmers. Departmental agricultural extension staff are given in-service training in new modern methods whilst staff of the Department of Education are being trained in ever larger numbers in Rural Science so that this is becoming a regular feature of education in schools. Training is also being provided to tractor drivers and machine operators to man the new land development programmes now in progress in this district and soon to start in the Tutong district.

A further new course is to start at the end of this month to provide one year training for farm technicians — these technicians will be in the forefront of modern commercial farm development and will form we hope the nucleus of trained farm management personnel that a modern agriculture demands. The first course is specifically orientated to the Government's own rice production programme but we hope to start a second and similar course for livestock management technicians before the middle of 1979.

Commercial livestock enterprises are now becoming well established especially in the Brunei Muara district and of particular note is the new cattle breeding unit now being developed at Tungku in Gadong by the Mitsubishi Corporation in cooperation with the Government of Brunei. This is a pilot project with future plans for expansion on a larger scale in other districts.

In addition there are now three other major livestock concerns developing cattle rearing as well as several group farmer schemes for the same purpose.

With the cooperation of our guest of honour today (the District Officer Brunei/Muara) halaman areas are being fenced and developed to provide perpetual buffalo grazing areas for each mukim in the District.

Brunei Muara's existing 350 acres of tree crops is being augumented as fast as possible with a further 700 acres being earmarked and systematically planted with coffee, coconuts and fruit trees.

Similar developments are taking place in other districts as fast as areas can be cleared and planted and at present throughout the State the existing 1000 acres or so under coffee, citrus, coconut and other fruit trees is being expanded to a total of 3200 acres whilst the acreage under pepper is expected to reach 200 acres in the near future.

As you will see in the two years since the last show was held here we have greatly expanded our machinery facilities to provide the necessary backup to the large scale commercial land development programme now taking place jointly with the Department of Public Works on whom at present the main burden lies.

When they are ready with the irrigation facilities now being developed we shall be in a position to make full use of our technicians and technical abilities and provide a direct farming contribution ourselves to Brunei's food supply.

Nevertheless I would like once more to remind you that this show today and all the efforts of all of us depend on the initiative and skill and enterprise of the individual farmer. Without him we may starve, with him we can thrive to become truly independent.

## Labi farmers visit Tanah Jambu, Kapok

BANDAR SERI BEGAWAN. — A group of twenty-one farmers from Mukim Labi in the Belait District recently visited Kampong Tanah Jambu in Gadong and Kampong Kapok in Muara to see farming activities in the two villages.

The farmers were led by the Belait District Agricultural Field Officer, Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

They were welcomed on arrival here by Senior Agriculture Assistant, Awang Saman bin Haji Lamat and the Agricultural Inspector, Awang Haji Pakar bin Haji Duraman who accompanied them to the two kampongs where they were greeted by the Ketuas and residents.

The agricultural officers briefed them on various aspects of farming in the two villages particularly on the irrigation system and vegetable farms.

The picture right shows the visitors watching a demonstration of ploughing by powertiller with paddy huts in the background.



## New roads to ease congestion

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Public Works Department is currently constructing three new roads in an effort to ease traffic congestion here.

One road will connect Jalan Darussalam with Jalan Sumbiling, another will link Jalan Kumbang Pasang with the Pusar Ulak Malay School while the third will be between Kampong Subok and Kampong Kianggeh that will reduce traffic on Jalan Residency.

The Department is also to widen a stretch of Jalan Berakas from the international airport roundabout to the STPRI girls school near Jalan Ong Sum Ping.

## Soccer experts to give training

BANDAR SERI BEGAWAN. — Three soccer experts from Germany will arrive here next month to conduct a week training for football coaches, referees and administrators in the State.

The training to start from November 19 will be organised by the Federation of International Football Association, FIFA, in collaboration with the Coca Cola Company and supervised by the Brunei Amateur Football Association.

The training will be for fifty-one persons to be made up of twenty-three coaches, thirteen referees and fifteen administrators.

Those interested in attending the training for coaches and administrators should get application forms from Awang Mohammad Yusof bin Abu Bakar at the Welfare, Youth and Sports Department here; Awang Ismail bin Apong at the Kuala Belait Office of the Welfare, Youth and Sports Department; and the Temburong District Office, Bangar.

Application forms for the referee training are available from the Brunei Football Referee Association here.

All the forms should be completed and returned not later than October 20.

## Not every foreign driving licence endorsed

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Land Transport Department in a statement issued last week denied that it was easy to get a Brunei driving licence by merely getting a foreign one endorsed.

The denial followed a letter which appeared in the Borneo Bulletin of September 30 alleging that almost anyone with a foreign licence could drive on Brunei roads by having his or her licence endorsed by the Department.

The statement said that holders of foreign driving licences whose driving abilities were suspected to be below standard were required to undergo tests before such licences could be endorsed.

## Inter-mukim sports

BANDAR SERI BEGAWAN. — More than two hundred and fifty competitors including women from thirteen mukims in the Brunei Muara District took part in an inter-mukim sports meeting held at the padang here.

The meet was declared open by the Director of Welfare, Youth and Sports Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein.

Mukim Serasa were overall champions in the meet which was another item in this year's programme to celebrate His Highness the Sultan's thirty-second birthday.

Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Perkasa Pengiran Anak Mohammad Hassan presented the prizes to the winners at the end of the meet.

## Donations for fire victims

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Brunei National Welfare Body has received a donation of two thousand dollars from the Chop Hwa Hoo firm.

The money is to be distributed to seven fire victims at Kampong Berangan here.

Meanwhile two other people whose houses were destroyed by fire recently have received more donations.

Awang Abdul Rahman bin Ismail of Kampong Anggerek Desa received two hundred and eighteen dollars from members of the band of the Royal Brunei Malay Regiment.

The other fire victim, Dayang Zaleha binte Tengah, of Kampong Delima Satu received one hundred and seventy-one dollars from pupils and teachers of the Kampong Delima Satu Malay School.



SA-RAMAI 23 orang rekrut bomba telah menamatkan latehan sa-lama 12 minggu pada minggu lalu. Sa-bagai menandakan berakhir-nya latehan itu, satu upachara tamat latehan telah di-adakan di-Pusat Latehan Bomba di-Muara pada hari Khamis lalu.

Pengawal Kastam dan Bea, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar telah memereksa dan membalas tabek di-upachara pada pagi itu (kanan). Yang Amat Mulia juga telah menyampaikan hadiah2 kapada rekrut2 yang telah di-pileh sa-bagai terbaik sa-masa menjalani latehan (gambar kiri). Sementara gambar bawah kelihatan rekrut2 itu mengadakan tunjok chara kechekapan mereka mengendalikan pertolongan sa-masa kechemasan.



# PERADUAN MENULIS CHERITA KANAK2 MAJALAH MEKAR

BANDAR SERI BEGAWAN.—Peraduan menulis cherita kanak2 yang terbuka bagi penulis2 muda di-negeri ini ketika ini sedang di-buka penyertaan-nya atas anjoran Majalah MEKAR terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Peraduan itu yang terbuka kapada raayat Duli Yang Maha Mulia ada-lah terbahagi kapada peserta2 yang berumor 14 tahun kabawah bagi bahagian 'A' dan peserta2 yang berumor 15 hingga 18 tahun bagi bahagian 'B'.

Cherita2 yang di-karang mesti-lah ASLI dari chiptaan peserta2 itu sendiri dengan berunsorkan pendidekan atau tauladan, bagaimana pun peserta2 hanya di-benarkan menghantar satu tajok cherita sahaja.

Tiap2 cherita mesti-lah mengandongi antara 500 hingga 1,000 perkataan bagi bahagian 'A' manakala dalam bahagian 'B' tulisan di-kehendaki mengandongi antara 1,000 hingga 1,500 perkataan di-tulis dengan dakwat atau taip dengan jelas agar sa-tiap perkataan boleh di-bacha.

Peserta2 yang berhajat tidak boleh menulis nama pada kertas karangan yang mana ini hanya boleh di-tulis pada borang penyertaan peraduan sahaja, yang boleh di-dapati dari Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Sa-banyak 13 buah hadiah yang berupa wang tunai akan di-berikan kapada karangan2 yang berjaya termasok 10 buah hadiah saguhati bagi tiap2 bahagian "A" dan "B".

Pemenang pertama akan berjaya menerima hadiah sa-jumlah $100.00; kedua, $75.00 dan ketiga $50.00. Keputusan karangan2 yang berjaya akan di-putuskan oleh Jemaah Hakim yang di-lantek dan penghakiman ada-lah muktamad.

Cherita2 yang berjaya memenangi hadiah peraduan tersebut akan di-terbitkan sa-chara bergilir2 dalam Majalah MEKAR dan ia-nya akan menjadi milek pehak penganjor. Hantar-lah karangan awda ka-peraduan tersebut tidak lewat pada 31hb Disember, 1978. Keputusan peraduan akan di-umomkan pada penghujong bulan Februari, 1979.

Sa-tiap borang penyertaan dan karangan hendak-lah di-tulis kapada:

Setiausaha Peraduan
Mengarang Cherita
Kanak2,
Majalah MEKAR,
Dewan Bahasa dan
Pustaka,
Bandar Seri Begawan,
BRUNEI.



PERAYAAN Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei di-Kampong Lumapas telah berakhir pada hari Ahad lalu. Perayaan sa-lama tiga hari itu telah di-anjorkan oleh pendudok2 Kampong Lumapas dan beberapa achara sambutan — termasok sokan dan persembahan aneka warna telah di-adakan.

Gambar bawah kelihatan murid2 sekolah ketika menyertai salah satu achara sokan yang telah di-adakan sa-masa sambutan di-kampong tersebut.





GAMBAR atas menunjokkan peserta2 kursus Latehan Asas Kerani Tingkatan III yang telah menyertai kursus sa-lama empat hari anjoran Yunit Latehan Jabatan Perjawatan awal bulan ini. Di-kiri sekali ialah Ketua Yunit Latehan, Awang Haji Jaya bin Abdul Latif dan di-sebelah kanan ia-lah Pegawai Latehan, Awang Mustapha bin Haji Abdul Rahman.



Mohd. Zaffri bin Abdullah ketika melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan YDM Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Mat Seruddin. — Gambar JHEU.

## Enam orang memelok Ugama Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Enam orang lagi telah memelok ugama Islam di-negeri ini dalam beberapa majlis pengIslaman yang berasingan.

Sa-orang pemuda Iban, Tapios anak Ambi, 23 tahun berasal dari Kanowit, Sarawak, telah memelok ugama Islam pada 29hb September, 1978 dalam satu majlis pengIslaman yang berlangsong di-rumah Haji Abdul Rahman bin Yusof, Kampong Mediwa, Brunei. Beliau kini di-kenali sa-bagai Mohd. Zaffri bin Abdullah.

Sa-orang gadis Tiong Hwa, Irene Tsen Chui Lin, 15 tahun, kini di-kenali sa-bagai Sarimawati bte Abdullah. Majlis pengIslaman-nya berlangsong di-Kampong Sumbiling, Bandar Seri Begawan.

Sementara Asbah bte Undu, sa-orang perempuan Dusun berumor 30 tahun, telah melangsongkan majlis pengIslaman-nya di-rumah Abang Abdullah bin Abang Arshad di-Kampong Sumbiling Lama di-ibu negeri. Asbah memileh nama Islam-nya sa-bagai Norain bte Abdullah.

Manakala sa-orang gadis Kelabit berasal dari Ulu Baram, Sarawak, Elisabet Raja, 21 tahun, kini di-kenali sa-bagai Eliany bte Abdullah. Beliau menjalani pengIslaman-nya di-rumah Awang Kamal bin Haji Salleh, Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan.

Mandit bin Pusok, 27 tahun, berasal dari Kampong Rambai, Tutong telah memelok ugama Islam di-Jabatan Hal Ehwal Ugama di-ibu negeri dan sekarang di-kenali sa-bagai Ruslan bin Abdullah.

Memelok ugama Islam di-Jabatan Hal Ehwal Ugama pada hari itu juga Budi Berok, 22 tahun, sa-orang gadis dari keturunan Murut berasal dari Lawas, Malaysia, dan kini di-kenali sa-bagai Rozita bte Abdullah.

Kesemua saudara2 baru Islam itu melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Mat Serudin, sa-orang Pegawai di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.



Rozita bte Abdullah



Eliany bte Abdullah



Ruslan bin Abdullah



KUMPOLAN terakhir jemaah2 haji Brunei telah berlepas ka-Jeddah pada hari Jumaat lalu. Gambar atas kelibatan sa-bahagian dari jemaah2 haji itu ketika menuju kapalterbang yang membawa mereka ka-Singapura.

# GUNAKAN NEKMAT UMOR YANG DI-KORNIAKAN ALLAH DENGAN SEBAIK2-NYA

**Bingkisan minggu ini**

MEMOHON supaya di-lanjutkan umor ada-lah di-antara do'a yang sering di-munajatkan oleh sa-orang mukmin. Dia berharap semoga Allah mengizinkan dan merelai-nya untok menekmati hidup di-waktu2 berikut-nya, dan mahu menggunakan kesempatan itu untok menggandakan lagi ibadat-nya kapada Allah.

Meski pun ia tahu bahawa ia pasti menemui mati, namun permohonan-nya itu bukan-lah menunjokkan ia sa-orang yang rakus dengan hidup di-dunia, atau sa-olah2 ia tidak mahu mati kerana sayangkan kenekmatan dunia atau di-katakan chuba membantah kudhrat-iradat Ilahi. Tetapi sebenar-nya ia menyimpan harapan, harapan ingin terus untok mengisi umor-nya dengan amal2 yang saleh. Orang saperti ini walau pun ia merasakan diri-nya sudah banyak beramal, tetapi ia merasakan bahawa amalan-nya itu tidak seberapa, ia belum merasa chukop lagi. Ia mahu supaya kepulangan-nya ka-alam abadi akan membawa oleh2 yang tidak terkira banyak-nya.

Tetapi justeru ia sendiri tidak mengetahui sa'at2 berakhir-nya umor-nya di-dunia ini, maka ia juga tetap siap sedia menunggu maut menjemput-nya di-ketika mana atau di-tempat mana sekali pun. Ia tidak gerun, tidak chemas tetapi sa-balek-nya tenang, sebab pada-nya sudah tersedia bekalan amal saleh yang chukop.

Bagi-nya juga dosa yang sa-besar tahi lalat yang terchatet di-dalam umor-nya di-pandang-nya sa-luas samudera. Sebab itu apabila ia terlakukan dosa atau kesalahan — walau pun kechil — ia akan bersegera beristigfar dengan tidak putus2, di-hati-nya berkechamok perasaan kesal, takut tetapi penoh berharap agar kesalahan-nya dapat di-ampunkan oleh Allah.

Memang begitu-lah sawajar-nya hidup sa-orang mukmin yang sejati. Dalam merentasi umor hidup di-dunia ini kita mesti berhati2 dan waspada. Ada-lah lebeh mulia kalau boleh jangan sedikit pun di-dalam-nya tersirat riwayat2 yang burok dan keji, semoga dengan itu tidak mungkin terchipta ristaan2 burok terhadap perjalanan hidup kita di-belakang hari.

Ada-lah di-harapkan sa-tiap diri kita menggunakan umor yang ada ini dengan sa-baik2-nya sa-hingga jangan sampai umor kita berlalu dengan sia2 atau di-isi dengan sendiwara2 hidup yang berpoya2 dan kepura2an.

Jika hidup hanya di-penohi dengan berpoya2 dan kelekaan, maka itu pertanda-nya kita tidak tahu menghargai nekmat umor yang di-korniakan oleh Allah. Tiada faedah-nya kita memohon di-lanjutkan umor, sa-andai-nya kita hanya menghabiskan-nya ka-arah yang tidak bermunafaat, dan pengorniaan Allah kelanjutan umor kapada orang yang leka dan lalai ada-lah mungkin di-takdirkan oleh Allah membiarkan-nya memenohi hidup-nya dengan noda dan dosa, kerana semata2 sa-bagai chontoh dan pengajaran kapada orang lain.

Betapa juga biasa kita dengar dan lihat keadaan sa-tengah2 orang yang mengalami chengkaman jiwa di-zaman umor tua-nya. Dia merinteh hiba, pilu dan penoh penyesalan. Mengapa sampai terjadi-nya demikian? Jika di-semak kembali sejarah hidup-nya ternyata mereka ini-lah antara-nya orang2 yang pernah mempersia2kan umor-nya yang lalu di-ketika mana ia sa-mesti-nya mempergunakan hidup-nya untok berbuat amal ibadat, tetapi sa-balek-nya di-isi dengan sejarah hitam melanggar perintah2 Allah. Tetapi sa-telah sampai ka-zaman tua-nya baharu-lah ia insaf dan menyesali kechuaian-nya mempergunakan umor-nya sedemikian itu.

Maka tidak hairan ada di-antara-nya menghabiskan baki hidup-nya dan menamatkan riwayat-nya dengan suasana penyesalan, oleh kerana masa yang lalu takkan kembali, maka biar-lah umor yang ada ini kita pergunakan untok beramal dan berbakti kapada Allah sejajar dengan kehendak Rasulullah dalam sabda-nya yang di-riwayatkan oleh At-Tarmizi yang kira2 bermaksud: *"Sa-baik2 orang ia-lah orang yang panjang umor-nya berserta baik pula amalan-nya".*

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 18hb Oktober, 1978 hingga ka-hari Selasa 24hb Oktober, 1978 ada-lah saperti di-bawah ini: —**

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 18hb Okt | 12.12 | 3.30 | 6.11 | 7.26 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 19hb Okt | 12.12 | 3.30 | 6.11 | 7.26 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 20hb Okt | 12.12 | 3.30 | 6.11 | 7.26 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 21hb Okt | 12.11 | 3.29 | 6.10 | 7.24 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 22hb Okt | 12.11 | 3.29 | 6.10 | 7.24 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 23hb Okt | 12.11 | 3.29 | 6.10 | 7.24 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 24hb Okt | 12.11 | 3.29 | 6.10 | 7.24 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |

**Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.**

# LAGI MENGENAI ANGKARA KOMUNIS

## SIRI KESEPULOH

المؤتمر الإسلامي الآسيوي الأول

## oleh2 dari PERSIDANGAN ISLAM ASIA YANG PERTAMA

OLEH:



HJ. ABD AZIZ JUNED

DALAM Seksi Minoriti Islam Persidangan Islam Asia Yang Pertama, boleh di-katakan perbinchangan seluroh-nya membahas tentang nasib orang2 Islam yang menjadi golongan terkechil di-negara2 bukan Islam. Kebetulan masa itu pelarian Islam dari Burma ka-Bangaldesh sedang menjadi issue yang hangat dalam surat2 khabar. Mereka semua-nya berjumlah saramai 200,000 orang, suatu angka yang ramai juga.

Mengapa (orang2 Islam) itu lari dari tanah ayer mereka? Jawab-nya tidak dua atau tiga, tetapi hanya satu: Kerana *angkara komunis* yang telah menguasai negeri itu. Dan ini sudah pun kita tegaskan di-awal2 tulisan mengenai komunis ini, bahawa mereka memang memusohi ugama dan umat Islam. Mereka tidak ada pilehan lain, jika ada peluang dan kesempatan, melainkan menekan dan menyakiti orang2 Islam. Sebab-nya kerana mereka tahu *bahawa kehidupan Muslim itu ada-lah satu2-nya yang paling kebal dan tidak mudah di-pisongkan. Ajaran Islam dapat memintal hati insan supaya terus tawakkal dan berani kerana Allah,* walau apapun yang terjadi. Orang Islam tidak sanggup berbagi kesetiaan terhadap ugama-nya. Kerana berbagi kesetiaan itu terlalu berat hukum-nya di-sisi Allah, ia-itu *murtad* atau *kufur,* suatu hukuman yang muktamad dan tempat-nya ia-lah di-neraka. Siapa-kah di-antara orang2 Islam yang sedar yang mahu dengan senghaja menchalunkan diri-nya untok habuan neraka, siapa? Jawab-nya tidak ada! Biar derita datang bertimpa namun kesetiaan terhadap ugama itu tidak boleh ruboh, kerana ruboh di-sini bermaana ruboh-lah mahkota hidup.

Kerana itu-lah, tuan! Di-samping kita turut bersedih mendengarkan kisah? derita dan tragedi yang menimpa golongan minoriti Islam di-negara2 komunis dan lain2, kita kita juga sangat berbangga mengetahui bahawa kesetiaan mereka terhadap ugama-nya tidak-lah ruboh, walaupun sebenar-nya mereka di-tekan dan di-paksa untok ruboh. Ini-lah sikap Muslim sejati, sikap yang menentukan jalan sejarah-nya sendiri saperti di-zaman dahulu kala yang di-wakili oleh manusia2 saperti *Bilal bin Abi Rabah, 'Ammar bin Yasir* dan lain2 lagi, yang tidak akan di-lupakan untok beribu tahun.

Melalui beberapa suara lantang, di-antara-nya dari sa-orang pensharah bahasa dan kesusasteraan Arab di-Universiti Ankara, Yussef Wali Shah Awralkirai, kita sa-olah2 mendengar sendiri rintihan dan tangisan orang2 Islam di-negara2 yang di-kuasai oleh komunis, saperti Turkistan, Caucasus, Andizhan, Astrakan dan lain2.

Dalam sa-buah kertas kerja yang di-bentangkan oleh pensharah dari Turkey itu, beliau telah memetik beberapa Bab dari peruntokan *Undang2 Keseksaan* Russia, yang antara-nya *Bab (123)* ada menyebut, *"bahawa bagi mereka yang menyampaikan pengajaran2 ugama pada masa ini di-sekolah2 kerajaan atau khas, atau di-pusat2 pengajian sa-umpamanya akan di-hukum sa-tinggi2-nya sa-lama sa-tahun kerja berat."* Sementara dalam Bab2 berikut (124), (125) dan (126) menyebut pula tentang pengharaman mutlak pengajaran ugama tersebut di-negara2 Kesatuan Soviet berserta hukuman2-nya sekali.

Ini-lah hakikat zaman kini, terutama sekali di-negara2 komunis, golongan minoriti Islam terpaksa menerima tekanan2 yang di-timpakan oleh golongan majoriti bukan Islam. Tekanan2 itu bermacham2 bentok dan chara-nya. Ada yang kuat dan ada yang perlahan, yang kasar dan yang halus. Tetapi matlamat-nya ada-lah sama sahaja — untok melumpohkan umat Islam dan ugama mereka.

MENGINGAT ini, tuan. Mari kita timbulkan satu persoalan besar, tetapi mungkin jarang di-perhatikan orang dengan mendalam, dan bahkan pada masa akhir2 ini orang saperti bermain2 dengan-nya pula.

Apa-kah perkara itu? Perkara itu ia-lah, *birth control* atau menchegah beranak, atau meranchang keluarga dan lain2 nama lagi. Terutama-nya bagi negara2 yang menghadapi masaalah2 ekonomi dan sosial yang rumit, sangat mudah tertarek kapada amalan2 ini. Pada masa sekarang, telah banyak penemuan2 sains perubatan di-samping teori2 ekonomi dan kemasharakatan yang bertujuan menggalakkan amalan meranchang keluarga ini supaya berjalan dengan pesat-nya, dan bahkan ada negeri yang telah mengundang2kan-nya.

Dan ada-lah lebeh malang lagi, ada orang2 Islam sendiri (walaupun keadaan mereka itu sebenar-nya tidak sa-berat keadaan orang lain yang merasa diri-nya terpaksa menerima konsep peranchang keluarga itu) yang *beria-ia* benar turut menyuarakan sokongan2 meranchang keluarga ini, semata2 kerana ini di-anggap-nya yang paling baik dan bermunafaat untok masharakat dan negara. Dengan chara ini, pada hemat mereka, beban kerajaan tidak akan bertambah, dan bahkan juga beban dunia menurut *Malthus* (1766-1834) dapat di-rengankan. Kalau tidak, manusia sendiri akan menanggong akibat-nya, akibat kekurangan makanan, yang sudah pun kurang di-bandingkan dengan kadar kelahiran yang amat chepat.

Yang menjadi method *Malthus* ia-lah *"perut"*. Kerana masaalah perut ia menganjorkan konsep menchegah atau membatasi kelahiran. Jadi ada-lah terang, method *Malthus* itu ada-lah 100% kebendaan, *materialistik*. Apa-kah bagi kita orang2 Islam boleh terima bulat2 teori ini atau bagaimana? Atau di-sana ada lagi perkara2 berlapis yang harus kita fikirkan? Jawab-nya: *Benar ada!*

Sunah Nabi s.a.w. *menggalakkan banyak anak.* Pada hari kiamat kelak Baginda akan berbangga dengan umat-nya yang ramai, sa-bagaimana maksud hadith daripada *Harmalah bin An-Nu'man* yang di-kelaurkan oleh *Al-Imam Ad-Daraqotni* dan juga hadith daripada sahabat *Anas bin Malik* yang di-riwayatkan oleh *Al-Imam Ahmad* dan lain2. Hadith2 tersebut menyebut, *bahawa perempuan yang peranak itu lebeh kaseh kapada Allah dari perempuan yang chantek tetapi tiada beranak.* Dan oleh sebab itu *Nabi menganjorkan supaya menghawini perempuan yang peranak serta pengaseh, dan Baginda pada hari kiamat kelak berbangga dengan umat-nya yang ramai."* Sabda Baginda lagi

تَنَاكَحُوا تَكْثُرُوا

yang bererti: *"Kahwin-lah kamu, nanti kamu menjadi ramai* (ramai bilangan)".

Rashia-nya dapat kita chapai dengan sa-pintas lalu, bahawa keadaan di-dunia juga memerlukan *kuantiti* di-samping *kualiti.* Umat yang besar yang mempunyai peradaban yang besar lagi kuat itu biasa-nya ia-lah umat yang ramai bilangan-nya. Dan hal ini juga tidak berchanggah dengan pendapat2 ahli2 sosioloji, yang biasa menekankan bahawa kebudayaan yang besar itu biasa-nya menelan yang kechil. Pendapat ini usah kita abaikan kerana ada bokti, dan bokti itu, sekarang berhadapan dengan persoalan golongan minoriti Islam di-tengah2 golongan majoriti bukan Islam. Apa yang berlaku? Jawab-nya tidak lain, ia-lah penindasan dan azab telah di-terima oleh orang2 Islam yang kechil itu. Kita biasa mendengar orang2 Islam di-bunoh, ulama2 di-tembak, masjid2 di-bakar atau di-jadikan markas tentera dan muzium dan lain2 lagi. Semua ini kenyataan belaka, dan kebanyakan orang tahu mengenai-nya.

Jadi mengenangkan ini, apa-kah kita tidak teringin untok mendalami maksud hadith di-atas, kenapa Nabi menggalakkan umat Islam supaya ramai bilangan? Apa-kah kerana sebab momok krisis ekonomi dunia, kita orang2 Islam harus lekas2 menukar sikap memakai teori2 yang berlawanan dengan *sunnah Nabi?* Perkara ini perlu kita dalami.

Takut mati kerana *lapar?* Ya, memang-lah hal ini boleh di-binchang dan chari jalan bagaimana mengatasi-nya. Sebab ugama Islam kita juga tidak merelakan umat-nya mati perchuma atau menghumbanwan diri kapada kechelakaan.

وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ.

Tetapi di-samping itu, ada-lah wajib pula bagi kita meneliti apa-kah konsep Islam dalam perkara ekonomi ini? *Di-dalam Al-Kor'an terang di-sebut jaminan2 Allah Ta'ala dalam soal REZKI.* Firman-Nya dalam Surah Hud ayat (6) berbunyi:

وَمَا مِنْ دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ إِلَّا عَلَى اللَّهِ

رِزْقُهَا وَيَعْلَمُ مُسْتَقَرَّهَا وَمُسْتَوْدَعَهَا،

كُلٌّ فِي كِتَابٍ مُبِينٍ.

Tafsir-nya: *"Tiap2 benda yang hidup, yang melata di-atas permukaan bumi ini, telah Allah jamin dan berjanji akan memberi rezki-nya masing2, sa-bagai limpah kornia Allah yang besar. Dan Allah mengetahui di-mana tempat tinggal dan letak tiap2 benda yang hidup, samada di-dalam dunia ini atau ada di-dalam sulbi lelaki, dan Dia juga telah tahu di-mana benda2 hidup akan di-letak dan di-simpan sa-lepas benda2 itu mati atau binasa. Semua itu termaktub dalam Loh Mahfuz (tinggal sahaja manusia itu berserah kapada Allah menchari kehidupan dan sara hidup-nya, bekerja menurut kadar usaha dan tenaga-nya yang di-berikan oleh Allah* dari tafsir Al-Jalalain).

Firman Allah lagi dalam Surah Ash-Shura ayat 12:

لَهُ مَقَالِيدُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ

يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَنْ يَشَاءُ وَيَقْدِرُ،

إِنَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ.

Maksud-nya: *"Ada-lah bagi Allah itu kunchi khazanah langit dan bumi, Dia-lah yang meluaskan rezki kapada sesiapa yang Dia suka dan berkehendak. Sesunggoh-nya Allah Maha mengetahui tiap2 sesuatu."*

Dari ayat di-atas, orang yang beriman tidak akan chemas menghadapi hidup ini. Krisis ekonomi ada-lah perkara biasa, tidak patut satu2-nya menjadi alasan kita lari dari *sunnah Nabi,* ia-itu meramaikan umat Muhammad. Rezki itu di-tentukan oleh Allah dan kita hanya tinggal berusaha dan bekerja. Pintu rezki itu Allah yang memegang kunchi-nya. Dia yang menurunkan rezki dengan kadar dan sukatan yang di-kehendaki-nya, yaani Dia yang meluaskan rezki ka-atas sa-tengah orang dan menyempitkan-nya bagi sa-tengah yang lain. Kerana jika tidak begini keadaan, manusia itu sendiri akan menjadi susah. Yaani jika Allah bukakan seluas2-nya pintu rezki kapada manusia, maka neschaya mereka semua-nya akan menjadi buas, bermaharajalela melakukan sesuka hati mereka di-atas muka bumi ini. Oleh kerana itu, jangan kita terkejut melihat sa-buah negeri itu maamor sedang sa-buah lagi miskin, melihat sa-orang itu kaya sedang sa-orang lagi sebalek-nya. Firman Allah Ta'ala dalam Surah Ash-Shura ayat 27:

وَلَوْ بَسَطَ اللَّهُ الرِّزْقَ لِعِبَادِهِ

لَبَغَوْا فِي الْأَرْضِ وَلَٰكِنْ يُنَزِّلُ

بِقَدَرٍ مَا يَشَاءُ إِنَّهُ بِعِبَادِهِ

خَبِيرٌ بَصِيرٌ.

Maksud-nya: *"Dan jika Allah melapangkan rezki seluas-luas-nya kapada hamba2-Nya, neschaya mereka akan melanggar aturan di-muka bumi, tetapi Allah menurunkan-nya dengan ukoran sa-bagaimana yang di-kehendaki-nya, sesunggoh-nya Dia maha mengetahui dan memerhatikan hamba2-Nya."*

(BERSAMBONG)

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikir-kan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU — 18HB. OKT.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 STAR TREK — "Mirror Mirror"
6.11 AZAN MAGHRIB
6.15 STAR TREK — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 RICH MAN POOR MAN — Episod 14
Billy dan Charles Estep bersatu tenaga untok menentang Rudy, dan Wes meneruskan ranchangan-nya untok mengejar Falconetti.
7.26 AZAN ISHA
7.30 RICH MAN POOR MAN — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 BEWITCHED "Snob in the Grass"
Samantha mahu membalas dendam bila bekas tunang Darrin tidak memperdulikan-nya.
9.00 SHOW OF THE WEEK — "Julie Andrews and Jackie Gleason"
9.50 KEJOHANAN BOLA KERANJANG SEDUNIA — Perengkat Akhir
11.20 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 19HB. OKT.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 HOT WHEELS
6.11 AZAN MAGHRIB
6.15 HOT WHEELS — sambongan
6.30 THE SECRET OF ISIS — "Class Clown"

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS



DR. Quincy yang sedang menghadhiri satu persidangan pakar2 fathologi di-sa-buah hotel perchutian, telah di-panggil untok menentukan puncha sa-jenis penyakit ganjil yang terjadi di-hotel ini.

Semasa menekmati persembahan pelawak Ronnie Hetcher dalam bilek pertunjokkan di-hotel, beberapa orang tetamu di-serang penyakit ganjil sa-hingga membawa maut. Doktor di-hotel itu, Dr. Pines mahu menghantar tetamu2 itu ka-hospital dengan serta merta, tetapi pemilek hotel, yang memikiran tentang kesan2 burok dari pablisiti2 yang akan merosakkan perniagaan-nya yang begitu maju mahukan supaya perkara ini di-rahsiakan.

GAMBAR: Jack Klugman berlakun sa-bagai Dr Quincy dalam tayangan gambar misteri pada hari Jumaat ini.

7.15 HOW THE WEST WAS WON
7.26 AZAN ISHA
7.30 HOW THE WEST WAS WON — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 HIDAYAT
9.00 DOKUMENTARI MELAYU — Audubon Wildlife Theatre "From the Mountains to the Sea"
British Columbia dengan pemandangan yang menarek dan berbagai bentok penghidupan liar. Dalam filem akan di-perlihatkan tarian berchinta2 yang luar biasa oleh binatang "sharptail grouse" dan edaran penghidupan 4 tahun yang berwarna-warni ikan salmon.
9.30 TAYANGAN FILEM MELAYU
11.30 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 20HB. OKT.

PETANG

5.15 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.17 AL-KESAH
5.30 PADDINGTON BEAR
5.40 THE LEARNING TREE
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SAYANG ADEK-KU SAYANG
6.11 AZAN MAGHRIB
6.15 SAYANG ADEK-KU SAYANG — sambongan
6.30 THE MUPPETS

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE GENERATION GAME
7.26 AZAN ISHA
7.30 THE GENERATION GAME — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 SEKITAR TANAH AYER
9.00 THE ROLF HARRIS SHOW
9.30 THE WATER MARGIN — Episod terakhir. Akhir-nya pembalasan terhadap Kao Chiu dan Lin Chung dengan kawan2-nya dari Liang Shan Po membawa negeri China sa-bagai negeri yang baru aman damai.
10.20 MYSTERY MOVIE: Quincy "Snake Eyes"
12.00 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 21HB. OKT.

PETANG

5.15 PEMBUKAAN/SUSUNAN RANCHANGAN
5.17 THE LOST ISLAND — "The Volcano's Secret"
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 CHILDREN'S FEATURE — "Avalanche"
6.10 AZAN MAGHRIB
6.14 CHILDREN'S FEATURE — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 DOCTORS' HOSPITAL — "My Cup Runneth Over"
7.24 AZAN ISHA
7.28 DOCTORS' HOSPITAL — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 INTISARI
9.00 ERIC SYKES
9.30 STARSKY AND HUTCH — "Death in a Different Place"
10.20 PREMIER SOCCER
11.10 TAYANGAN MALAM SABTU: "Too Late the Hero"
12.40 SIARAN TAMAT.



APA-KAH yang terjadi kapada Kao Chiu? dan bagaimana pula dengan Lin Chung? Ada-kah dia berjaya untok membalas dendam-nya selama ini? atau ada-kah ketewasan pula yang di-hadapi-nya? Sama2-lah kita ikuti jawapan-nya dalam siri terakhir "THE WATER MARGIN" minggu ini pada hari dan waktu yang sama.

## AHAD — 22HB. OKT.

PETANG

5.15 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.17 CHOMAT DAN CHOMEL "Ketawa"
5.30 DAISY DAISY "Laughter"
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 ATOM ANT — "Bully for Atom Ant"
6.10 AZAN MAGHRIB
6.14 THE ADVENTURES OF BLACK BEAUTY — "War Horse"
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.15 THE INCREDIBLE HULK
7.24 AZAN ISHA
7.28 THE INCREDIBLE HULK — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 PUSPARAMA
9.20 ANNA KARENINA — Bahagian pertama
10.10 THE COLLABORATORS
11.00 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 23HB. OKT.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 THE LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — "Be My Friend" Bahagian pertama.
6.10 AZAN MAGHRIB
6.14 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — sambongan
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CHARLIE'S ANGELS — "Mother Goose is Running for his Life'"
7.24 AZAN ISHA
7.28 CHARLIE'S ANGELS — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 BAHAS
9.00 KING RICHARD THE RACER — Dokumentari mengenai perlumbaan stock-car.
9.25 BIG HAWAII — "Red Midnight"
10.15 SURVIVORS — "Power"
Di-Scotland chubaan sabotaj oleh Sam di-musnahkan dan tuan punya tanah di-tempat itu bersetuju untok menghadhiri satu persidangan di-England dalam episod terakhir siri ini.
11.05 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 24HB. OKT.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.10 AZAN MAGHRIB
6.14 SESAME STREET — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 LUCAN — "You Can't Have My Baby".
Dalam usaha Lucan untok menchari ibu bapa-nya ia telah terlibat dalam satu konfrantasi yang hangat di-antara sa-orang wanita yang hartawan dan anak menantu perempunan-nya ka-atas hak untok mengasoh anak damit-nya.
7.24 AZAN ISHA
7.28 LUCAN — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 SEKITAR TANAH AYER
9.00 KEBUN KITA
9.30 THE PROFESSIONALS — "Old Dog with New Tricks"
Satu siri baru mengenai C15, kumpolan perisek jenayah bersenjata dalam menghadapi penjenayah2 dengan kegiatan2 mereka yang melimpasi batas2 jenayah biasa.
10.20 DOKUMENTARI: Whicker's World "Palm Beach"
11.10 SIARAN TAMAT.



# Anna Karenina

## Drama baru di-siarkan pada tiap malam Ahad

EPISOD pertama dalam siri yang mengandongi sapuloh bahagian bertajok Anna Karenin oleh "Leo Tolstoy", salah sa-orang nobelis yang teragong di-dunia di-mulakan minggu ini. Cherita yang penoh dengan ketegangan dan menyayatkan hati ini berlaku di-Moscow dan St Petersburg dalam tahun2 1870an. Nobel Tolstoy ini mengesahkan tentang tindak balas — dan pertelingkahan yang terjadi — di-antara keluarga2 Russia yang biasa pada masa ini. Ia memulakan buku-nya dengan kata2 "Keluarga yang bahagia ada-lah serupa semua-nya, sa-tiap keluarga yang tidak bahagia ada-lah tidak dengan chara-nya yang tersendiri".

Keluarga2 yang akan dapat di-saksikan nanti ia-lah keluarga Karenin dan Oosky dari St Peterburg dan Shcherbatskys, Oblorskys dan Lewis dari Moscow.

Anna Karenin, sa-orang wanita yang telah bersuami dalam perjalanan-nya ka-Mascow bertemu dengan Vrosky, sa-orang askar muda yang kachak. Mereka jatoh chinta dan kesah mereka ini terjadi begitu ashek sekali.

**DRAMA ini akan di-saksikan pada malam Ahad jam 9.20 malam.**



ERIC Peter berlakun sa-bagai Karenin, suami Anna. Karenin berusia 50 tahun dan merupakan sa-orang ahli politik terkemuka dan sa-orang yang jujor dalam perniagaan. Ia sa-orang yang berpendirian tegas yang mahukan sanjongan walaupun tanpa perasaan kaseh dari orang2 di-bawah-nya.

Jam yang terlalu laju atau perlahan menjadikan-nya marah. Ia merupakan sa-orang yang tidak mempunyai daya penarek dan tidak pandai bergurau senda, ia sa-olah2-nya sa-orang yang berhati batu. Tetapi di-sebalek itu, Karenin ada-lah sa-orang yang kurang tegoh hati-nya dan seringkali bersikap emosional.



ANNA di-lakunkan oleh Nichola Pagett yang jelita. Anna Karenin telah berkahwin salama 10 tahun dan ada-lah ibu yang penyayang kapada saorang anak lelaki. Penghidupan-nya di-kelilingi oleh gulongan2 atasan di-St Peterburg dan ia perchaya diri-nya mempunyai iman yang tegoh hingga-lah ia berkenalan dengan Vrosky dan telah jatoh chinta yang amat sangat buat pertama kali-nya.



VROSKY di-lakunkan oleh Stuart Wilson sa-orang askar yang chekap dan pintar. Ia meminati seni lukis dan seni akitek. Ia sa-orang yang agak bongkak saperti anak2 muda lain, ia melayan wanita2 dengan kurang menghormati mereka — hingga-lah ia bertemu dengan Anna, dan ia pun menjadi sa-orang lelaki yang berubah laku.



**GAMBAR menunjokkan Awang Md. Noorhaizamdin bin Abdullah sedang melekatkan kertas dinding dalam tuniok chara melekatkan wall paper untok bilek tetamu, akan dapat di-saksikan dalam INTISARI keluaran minggu ini.**

## SIRI BARU—THE ROLF HARRIS SHOW

KEMBALI menemui para penunton sekali lagi dalam siri musikal terbaharu-nya pada hari Jumaat jam 9.00 malam ia-lah Rolf Harris Show sabagai host ranchangan ini yang telah di-gelar sa-bagai "Si-Gila dari Australia". Walaupun ia di-gelar demikian, ia ada-lah juga sa-orang yang berbakat. Ia ada-lah sa-orang penyanyi dan sa-orang penyusun senikata lagu. Ia ada-lah sa-orang ahli musik. Ia juga sa-orang ahli pelawak dan sa-tiap gerak-geri-nya di-lakunkan dengan penoh hati2 dan penoh imajinasi. Ia sa-orang pelukis. Ia melukis sketch dan menchat. Ia sa-orang ahli katunis yang pintar.

Rolf Harris sejak sekian lama menawan hati penunton2 talivishen di-Australia dan Britain. Pertunjokkan2 ini telah di-buat di-Kanada, dan buat masa ini ia juga mempunyai ramai peminat2 di-sana.

Sa-tiap pertunjokkan mempunyai penghibor2 undangan yang berlainan, dan minggu ini Rolf memperkenalkan penyanyi Diane Stapley.



## INTISARI

ANTARA isi kandongan dalam ranchangan intisari minggu ini ia-lah bagaimana chara2 membuat gula anau, yang di-tunjokkan oleh Awang Sulaiman bin Bakar dari Kampong Menunggol Laut, di-samping itu, intisari juga akan memuatkan, tinjauan kami dengan beberapa orang bekas pekerja arang2 batu, di-samping mengketengahkan chara2 menampal wallpaper, di-tempat yang susah, saperti di-tempat switch lampu.

## Julie Andrews and Jackie Gleason Together— dalam ranchangan hiboran Show of The Week

JULIE Andrews ada-lah host minggu ini dan tetamu-nya ada-lah penghibor agong Jackie Gleason. Pernah di-katakan bahawa daya ingatan Jackie Gleason ada-lah sebagai ensaiklopedia hiboran yang tidak tertulis, dan ini-lah thema ranchangan ini yang di-adakan di-Panggong Victoria Palace yang terkenal di-London bersama2 dengan Julie dan Jackie, membinchangkan bagaimana mereka mula mencheburkan diri mereka dalam Show Business. Jackie teringat akan penunton yang agak sukar di-hadapi-nya pada permulaan kerjaya-nya dan ini membawa kapada pemandangan2 yang penoh dengan kenangan2, luchu jenaka dan lagu2 merdu dari pertunjokan2-nya yang banyak. "Show of The Week" akan dapat di-saksikan pada malam ini jam 9.00 malam.

# TISARI RTB



## Article On Psycho-Linguist's Talk for "What Fascinates Me"

ALL of us have had to learn a foreign language, may be at school, may be for a job. Did you find it a drudgery, and wondered why you were so slow at languages, when everything else wasn't a problem? On next week's edition of "What Fascinates Me", Jackie Griffith, a psycho-linguist, talks about the difficulties of learning a foreign language. So if you ever wondered why you never passed French at school, tune in for Jackie's introductory talk on the 23rd of October at 12.45 p.m.



MEMPELAJARI bachaan dan mengenal huruf2 Al-Kor'an, begitu-lah kandongan 'Siri Mukkaddam di-Radio' yang di-siarkan oleh Bahagian Melayu (Radio) Talivishen Brunei pada tiap2 hari Khamis jam 5.45 petang dan siaran ulangan-nya pada hari Jumaat, 7.45 pagi.

Kelihatan Ustaz Haji Zainal Kahar (Pak Che Zai) pemimpin ruangan tersebut bersama2 dengan murid2-nya, ketika rakaman ranchangan tersebut di-adakan baru2 ini.

Nature producer was taken ur of the Hassanal Bolkiah andar Seri Begawan. The aquarium's Head Aquarist, bin Mumin. And in this f the "Singing Bamboo', he of the questions that people For example, "Can a bite be avoided?" "Can a person ke bite?" and others. So don't ek's edition of the "Singing lay at 12.45 p.m.

## Nyanyian Desa Permai

DALAM kandongan ranchangan 'Nyanyian Desa Permai' minggu ini, ahli kaji alam, Michael Tweedie bersama pemuda Hashim, akan mengajak kita semua menekmati suara dan lagu Desa Permai dihutan hujan. Dan pergerakan mereka kali ini, dilakukan melalui sa-batang sungai, dan dari sini mereka akan berbual mengenai dengan kehidupan haiwan di-hutan yang di-kunjongi mereka.

Kapada adek2 yang berminat dalam penyelidekan kehidupan haiwan di-hutan hujan ini, jangan lupa untok mengikuti ranchangan tersebut, yang di-siarkan oleh Bahagian Melayu (Radio) pada hari Ahad, 22hb Oktober, 1978, jam 5.45 petang.

## *Menuntut di-Great Britain*

DALAM ranchangan menuntut di-Great Britain keluaran minggu ini 20hb Oktober, 1978, jam 7.30 malam, dan siaran ulangan-nya pada hari Sabtu, 21hb Oktober, jam 1.00 tengah hari, awda pelajar sekalian, khas-nya pelajar2 yang akan melanjutkan pelajaran mereka di-United Kingdom, akan berpeluang pula mengikuti siri perbualan Pengiran Mustapha bin Pg Metassan dengan Awang Haji Ahmad Arshad mengenai dengan 'Masaalah kegagalan dan puncha2-nya bagi pelajar2 kita yang menuntut di-Great Britain di-segi pengalaman pencheramah.

Jangan lupa untok mengikuti siri ketiga, "Menuntut Di-Great Britain" ini.

PAKAIAN apa-kah yang di-pakai oleh kakak Nani itu ? Jawapan-nya akan adek2 dapati apabila adek2 menyaksikan siri 'JIRANKU' minggu ini dalam ranchangan Sayang Adekku Sayang.

Juga dalam S.A.S. minggu ini adek2 akan dapat mengikuti BERITA ADEK2 dari Daerah Belait, kuiz minggu ini, magic abang Ahad dan yang menarek bukan saja bagi adek2 tapi ibu2, bapa2, nenek2 akan dibawa kembali mengenali dan mengingati lagu pusaka datok moyang kita. Lagu itu akan di-bawakan oleh adek Hajijah bte Harris. Jangan lupa adek2, hari Jumaat, jam 6.00 petang.

## Mengenal Undang2 Bolasepak

DALAM permainan bola sepak hanya sembilan kesalahan yang boleh di-berikan sepakan perchuma atau Sepakan penalty.

Demikian bunyi tajok renchana yang akan dihuraikan oleh ranchangan Kisah Permainan Bolasepak minggu ini.

Untok mengetahui lebeh lanjut lagi, apa-kah dia kesalahan2 yang di-maksudkan itu, AWDA peminat ranchangan2 radio, jangan lupa untok mengikuti ranchangan 'Kesah Permainan Bolasepak di-Radio' pada hari Ahad, 22hb Oktober 1978 jam 4.00 petang.



(atas) ada-lah buah yang sangat di-gemari oleh orang hanya sa-bilangan kechil sahaja yang tahu akan jenis2-mana satu di-panggil mempelam, atau kuini atau bang mana pula untok di-makan, di-buat sambal atau kuti-lah usaha2 Jabatan Pertanian dalam pembiakan ah ini, dan kegiatan2 jabatan ini untok menolong pe-patan, dalam siri Kebun Kita minggu ini.



# SUSUNAN RANCHANGAN MINGGUAN RADIO

## RABU

**PAGI :** 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran sambil sarapan; 8.00—Sain dan perusahaan (SU); 8.30—Chitra Irama; 9.00—Dendang Antarabangsa; 9.30 — Cherpen dan Selokan-nya; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran Selingan; 10.30 — Permintaan pagi Rabu; 11.30—Autograph pendengar. **T/HARI :** 12.00 — Tahu kah awda (SU) — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Apa kata mereka (SU); 1.30 — Persembahan pancharagam (SU). **PETANG :** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja; 6.00—Tafsir Al-Koran (SU) — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM :** 7.00 — Permintaan perajurit; 7.30 — Dari Bengkel Penulis/Mutiara Hikmat; — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — — Belia Zaman Ini; 9.00 — Terima-lah Sampul Surat; 9.30 — Hiboran Pilehan; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## KHAMIS

**PAGI :** 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran sambil sarapan; 8.15—Rampaian London; 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Dendang sa-irama (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Taman Mekar (SU); 11.00 — Salam dari ku (SU); 11.30 — Rampaian irama. **T/HARI :** 12.00 — Selingkar Madah; 12.15 — Hiboran rampaian tengah hari, — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Tahu Kah Awda (ulangan); 1.30 — Ragam Mudi Mudi. **PETANG :** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03—Harian Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat; 6.00 — Mari Berzikir — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan Hari Ini. **MALAM :** 7.30 — Hidayat; 7.30 — Permainan gambus — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mari berpantun (SU); 9.00 — Sandiwara Radio (US); 9.30 — Ku Sampaikan Salam; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## JUMAAT

**PAGI :** 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Dendang Suria; 8.00—Untok kaum tani; 8.30 — Pelajaran dewasa di-udara; 9.00 — Apa pilehan awda; 9.30 — Tafsir Al-Koran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Soalan di-udara/apa pendapat awda; 10.30 — Kursus Al-Koran; 11.00 — Kuiz/Berbalas Pantun; 11.30—Hidayat (SU). **T/HARI:** 12.00—Permainan gambus (SU); 12.30—Menunaikan sembahyang fardhu Jumaat, siaran langsong dari Masjid Omar Ali Saifuddin; 1.15 — Irama padang pasir; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Selingan irama; 2.00 — Belia zaman ini; 2.30 — Suara Dari Bintang; 3.00 -- Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Panorama Radio/Kursus di-radio; 3.30 — Dari Bengkel Penulis/Mutiara Hikmat (SU) —Azan untok fardhu Asar; 4.00—Dari Pengalaman Awda/Suara P.T.E. (SU); 4.30 — Sajak dan irama; 5.00 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama Di-Senja; 6.00 — Irama lagu2 asli; 6.30 — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM :** 7.00 — Cherpen dan selokan-nya; 7.30 — Dokumentari — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Siri Sejarah Brunei; 9.00 — Autograph pendengar; 9.30 — Cheramah Minggu Ini; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong ria; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## APA PILEHAN AWDA

**PARA peminat ranchangan Apa Pilehan Awda minggu ini akan berhibor dengan lagu2 pilehan Dayang Hairani bte Haji Mohammad, No. 26 Kampong Saba Laut, Bandar Seri Begawan.**

**Lagu2 pilehan Dayang Hairani akan dapat awda ikuti pada hari Jumaat 20hb Oktober, 1978 jam 9.00 pagi dan siaran ulangan-nya pada hari Sabtu jam 9.30 pagi.**

## SABTU

**PAGI :** 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15 — Hiboran Sambil Sarapan; 8.00 — Soalan di-udara apa pendapat awda (SU); 8.15 — Dendang antarabangsa; 9.15 — Majallah Commonwealth; 9.30 — Apa pilehan awda (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Selingan irama; 10.30 — Kursus Radio (SU) dan Panorama Radio (SU); 11.00 — Hiboran pilehan; 11.30 — Dari bintang ka-bintang (SU). **T/HARI :** 12.00—Peristiwa dunia minggu ini; 12.30 — Hiboran rampaian tengah hari — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Documentry Radio (SU); 1.30 — Permintaan hari Sabtu. **PETANG :** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Buloh Perindu; 6.15—Irama padang pasir — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM :** 7.00 — Chitra irama (SU); 7.30 — Bertuturan (SU); — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Selingkar Madah (US); 8.45 — Dari Pengalaman Awda; 9.00 — Kuiz/Berbalas Pantun (US); 9.30 — Suara P.T.E. (SU), Hidangan Melayu Asli; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.30—Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## AHAD

**PAGI :** 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Dendang Suria; 8.30 — Mari Berpantun; 8.00—Majallah Radio; 8.30—Dunia Wanita; 9.00 — Keluarga Si-Awang; 9.30—Taman Mekar; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30 — Permainan Pancharagam; 11.00 — Terima-lah Sampul Surat; 11.30 — Hello siapa di-sana; **T/HARI :** 12.00 — Sandiwara radio; 12.30 — Rampaian tengah hari — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Pesta ria; 1.45 — Bualan minggu ini. **PETANG :** 2.15 — Suara Pulis Diraja; 2.45 — Hiboran; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Bertuturan (ulangan); — Azan untok fardhu Asar; 4.00 — Arena sokan; 4.30 — Siri Sejarah; 5.00 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Mari Melanchong; 6.00 — Buloh Perindu; 6.15 — Persembahan aneka instrumental — Azan untok farhdu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM :** 7.00 — Suara parajurit — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Apa kata mereka; 9.00 — Keluarga Jaya; 9.30 — Mari berzikir; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 —Siaran Melayu di-tamatkan.

## ISNIN

**PAGI :** 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran Sambil Sarapan; 8.00—Peristiwa dunia minggu ini (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Sain dan perusahaan (BBC); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang dengan ku; 10.30 — Suara parajurit (SU); 11.30 — Senandong irama. **T/HARI :** 12.00 — Mari Melanchong (SU); 12.15—Hiboran rampaian tengah hari; — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Keluarga jaya (SU); 1.30 — Permintaan jiran tetangga. **PETANG :** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Hiboran di-senja; 6.15 — Irama padang pasir — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM :** 7.00 — Arena sokan (SU); 7.30 — Keluarga Si-Awang (SU) — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Dari Pendengar Untok Pendengar; 9.00 — Untok kaum tani; (SU); 9.30 — Serbanika persembahan; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SELASA

**PAGI :** 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran sambil sarapan; 8.00—Dunia wanita (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30—Rampaian London (SU); 9.45—Hiboran Pilehan; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15--Senandong ria; 10.30 — Serbanika Persembahan (SU); 11.00 — Majallah radio/meninjau sambil lalu; 11.30 — Pusparagam; **T/HARI :** 12.00 — Cheramah minggu ini; — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Dari Pendengar Untok Pendengar (SU); 1.30 — Pelajaran dewasa di-udara/dunia pelajar (SU). **PETANG :** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02—Harian Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Persembahan Aneka Instrumental — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM :** 7.00 — Bualan minggu ini (SU); 7.30 — Salam dari ku — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban: 8.30 — Suara Pulis Diraja (SU); 9.15 — Sajak Irama dan Budaya (SU); 9.45 — Senandong Asli; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

# RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

**The General Paper Programme 11 — Thursday 19th October, 1978. Title : "Freedom" (8.00 p.m.-9.00 p.m.)**

**Repeat Broadcast of Programme 11 — Friday 20th October at 11.00 a.m.-12.00 noon.**

**The General Paper Programme 12 — Sunday 22nd October. Title : "Leisure" (11.30 a.m. to 12.30 p.m.) day time.**

**Repeat Broadcast of Programme 12 — Monday 23rd October at 8.00 p.m. to 9.00 p.m.**

## WEDNESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio New reel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Lunch Music. **NOON :** 12.00 — The Young Sound with Tajul Ahmad. **PM :** 12.30 — News; 12.45 — International Money Programme; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — My Word; 8.30 — Midweek Greeting by Ja'afar Yaakub; 9.15 — News; 9.30 — Date-line; 10.00 Jazz Club — hosted by Tajul Ahmad; 10.30 — Close Down.

## THURSDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon — we invite you to hop aboard our non-stop musical express; 11.45 — World of Education. **NOON :** 12.00 — My Word (repeat). **PM :** 12.30 — News; 12.45 — Rock Line; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The General Paper, (Programme 11) "Freedom"; 9.00 — What's Wrong with me, Doctor ? by Shirley Don; 9.15— News; 9.30 — International Call; 10.00 — The Paramor Sound I; 10.30 — Close Down.

## FRIDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — The General Paper (repeat). **NOON :** 12.00 Our Brunei. **PM :** 12.30 — News; 12.45 — The Singing Bamboo by Shirley Don; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Carpenters live in Japan; 8.30 — Dr Finlay's Casebook; 9.00 — Light Music from Netherland; 9.15 — News; 9.30 — Does the team think; 10.00 — BBC World Report; 10.15 — Tales of mystery and Imagination, "The Palace Bowl" by Mrs Audrey McBain; 10.30 — Close Down.

## SATURDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — The Carpenters live in Japan (repeat); 11.30—Women's World produced by Charan Chand. **NOON :** 12.00 — The General Salute by Veronica Shim; 12.30 — News; 12.45 — "Doors to Opportunity" by Jaafar Yaakub (repeat); 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Top of The Pops; 8.30 — Just For Variety by Jaafar Yakub; 9.15 — News; 9.30 — Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 10.30 — Close Down.

## SUNDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half Hour with Veronica Shim; 11.30 — The General Paper (Programme 12) "Leisure". **PM :** 12.30 — News; 12.45 — Hot Question Cool Replies — produced by Nafisah Haji Ali; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Musical Diary by Nafisah Haji Ali; 8.30 — English Debating Competition for Secondary Schools. 9.00 — Your World; 9.15 — News; 9.30 — 33rd Cheltenham Festival — "Elgar Two"; 10.30 — Close Down.

## MONDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Music-Go-Round . . . an uninterrupted programme of music and songs for your listening pleasure. **NOON :** 12.00— English Debating Competition for Secondary Schools (repeat). **PM :** 12.30 — News; 12.45 — What Fascinates Me by Shirley Don; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement—The General Paper (repeat); 9.00 — Hot Question Cool Replies (repeat); 9.15 — News; 9.30 — Doors To Opportunity by Jaafar Yaakub; 9.45 — Theatre Forty-Five "Leave Well Alone" by Bloke Madisane; 10.30 — Close Down.

## TUESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Housewives' Special; 11.45 — BBC Sport Magazine. **NOON :** 12.00 — Top of the Pops. **PM :** 12.30 — News; 12.45 — What's Wrong with me, Doctor (repeat); 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Stereo Pop Special Featuring "Joan Armatrading" Side 1; 8.30 — Its All Yours by Veronica Shim; 9.00 — Ticket, Tape and Telephone; 9.15 — News; 9.30—Hello Tomorrow; 10.00—Melody Time; 10.30 — Close Down.

# PERWIRA WATAN





KELIHATAN gambar atas YB. Pehin Orang Kaya Seri Dewa Dato Seri Pahlawan Mohammad ketika memereksa perbarisan tamat latehan dari rekrut2 pengambilan ke-45 AMDB. Gambar bawah rekrut tamat latehan yang di-bawah perentah perbarisan Lt. Abd Ghani, Ketua Jurulateh pengambilan itu ketika berjalan lalu di-upachara itu.

PERBARISAN tamat latehan bagi pengambilan rekrut ke-45, Askar Melayu Diraja Brunei yang telah berlangsong pada minggu pertama bulan ini menandakan bertambah-nya lagi anggota pasokan keselamatan negara kita untok mempertahankan kedaulatan dan kesentosaan raayat serta pendudok-nya.

Sepanjang menjalani latehan asas salama 25 minggu di-Pusat Latehan Perkhemahan Bolkiah, rekrut2 tersebut telah mengikuti banyak pengetahuan dan asas2 ketenteraan dengan sempurna dan terator.

Antara latehan2 itu termasok-lah menembak dengan menggunakan senapang M16, meshengun HK13, pertolongan chemas, latehan semboyan, berbagai mata-pelajaran akedemik dan latehan mekanik.

Sa-lepas upachara tamat latehan itu, rekrut2 tersebut telah mula menekmati kerehatan badan bersama keluarga sa-lama dua minggu sa-belum mereka di-tugaskan di-berbagai unit pasokan AMDB bagi menjalankan tanggong-jawab sa-bagai sa-orang askar yang terlateh.

Sa-belum itu rekrut2 tersebut telah juga menjalani satu latehan tentera di-kawasan Pulau Muara Besar pada 19hb hingga 22hb September dengan di-ikuti oleh latehan hutan di-ulu Tutong.

## Jurulateh terbaik

KOPRAL Haji Tengah bin Ahad yang terpileh sabagai Jurulateh Terbaik bagi pengambilan ke-45 Askar Melayu Diraja Brunei kelihatan dalam gambar di-bawah ketika menerima hadiah yang telah di-sampaikan oleh YB. Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt. Kol. Dato Seri Pahlawan Mohammad, Pegawai Pemerentah Battalion Pertama AMDB di-upachara tamat latehan pengambilan itu minggu lalu.

Kopral Haji Tengah yang telah memasoki perkhidmatan AMDB pada 11hb Nobember, 1970 adalah berasal dari Kampong Junjongan dan di-lahirkan pada 4hb Nobember, 1950.

Sa-telah tamat latehan rekrut dalam sembilan bulan, beliau telah di-tugaskan dipasokan 'C' Kompeni Battalion Pertama sa-hingga mana pada 10hb Oktober, 1974 beliau telah di-naikkan pangkat sabagai L/Kopral.

Dua tahun kemudian beliau sekali lagi menerima kenaikkan pangkat ka-Kopral penoh iaitu pada 1hb September, 1976. Dari saat itu Kopral Haji Tengah telah di-tugaskan dalam Kompeni Latehan sa-bagai Jurulateh pada 1hb Januari, 1977 sa-hingga sekarang yang mana beliau terlibat sa-bagai salah sa-orang tenaga yang melateh rekrut pengambilan ke-45 yang baru lalu dengan memperoleh kejayaan sa-bagai jurulateh terbaik.





REKRUT 6250, Kamaluddin bin Haji Ibrahim menerima hadiah sa-bagai rekrut terbaik dalam semua jurusan.





TERBAIK dalam menembak HK13 di-terima oleh Rekrut 6230, Martin bin Apoi (kiri atas) dan Rekrut 6184, Mat Zain bin Momin (kanan atas) yang terbaik dalam menembak M16 ketika menerima hadiah dari YB, Pegawai Pemerentah Battalion Pertama AMDB di-upachara itu.





BARISAN tamat latehan ketika memberi tabek hormat kapada pegawai memereksa dan menerima tabek hormat perbarisan Y.B. Pegawai Pemerentah Battalion Pertama.

BELIA DAN SOKAN





GAMBAR2 ini menunjokkan achara yang di-adakan semasa Sokan Ria, (kiri) bergurau gasing, menubor atap (atas), mengibar rambat (bawah) dan menganyam ketupat.





# MUKIM SERASA JOHAN DALAM SOKAN RIA ANTARA MUKIM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Mukim Serasa telah munchol sa-bagai johan dalam Temasha Sokan Ria antara Mukim yang telah di-adakan di-Padang Besar sini pada 8hb Oktober yang lalu. Mukim Serasa yang mendapat 49 mata telah menerima piala yang telah di-hadiahkan oleh Timbalan Pesurohjaya Tanah, Awang Puasa bin Tudin.

Mukim Gadong jatoh di-tempat kedua dengan mendapat 41 mata. Mukim ini menerima piala yang di-hadiahkan oleh Jurutulis Majlis2 Mashuarat, Awang Judin bin Asar sementara pemenang ketiga ia-lah Mukim Berakas dengan mendapat 36 mata dan menerima piala yang di-hadiahkan oleh Awang Yakub bin Haji Ahmad.

Temasha Sokan yang julong2 kali-nya di-anjorkan itu ada-lah sa-bagai salah satu achara sambutan hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-32 tahun bagi Daerah Brunei-Muara.

Sokan pada hari itu telah di-rasmikan oleh Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain sementara hadiah2 telah di-sampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Perkasa Pengiran Anak Hassan.

Sa-ramai lebeh dari 200 orang peserta dari 13 buah Mukim telah menyertai 17 achara yang di-pertandingkan. Peraduan2 itu termasok-lah mengibar rambat dan permainan tradisional ia-itu perlawanan bergurau gasing.

Sokan tersebut telah mendapat sambutan meriah walaupun hujan telah turun di-awal permulaan, lebeh dari 3,000 orang telah menyaksikan temasha sokan kali yang pertama itu.

## 11 buah sekolah sertai lumba bernang

BANDAR SERI BEGAWAN.—Sa-banyak 11 buah sekolah di-seluroh negeri, termasok sekolah2 China dan Misi akan mengambil bahagian dalam temasha lumba bernang antara sekolah2 pada tahun ini.

Temasha tahunan yang di-anjorkan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Latehan Jasmani itu akan di-adakan di-Kolam Bernang Anggerek Desa pada 10hb Disember yang akan datang. Sa-banyak 19 achara akan di-pertandingkan dalam temasha tersebut.

Temasha lumba bernang ini ada-lah kali yang kesembilan. Pada tahun lepas, Sekolah Menengah Chung Hwa Bandar Seri Begawan telah munchol sabagai johan keselurohan dalam temasha tersebut. Sekolah itu juga telah memenangi dalam Kumpolan B dan C dan Kumpolan Lelaki dan Perempuan. Pemenang dalam Kumpulan A ia-lah Sekolah Persediaan Inggeris Tamoi.

## Keputusan perlawanan Ping Pong

PEKAN TUTONG.—Maktab SOAS (Junior) telah munchol sa-bagai johan dalam perlawanan ping pong bahagian laki2 bagi Sekolah2 Menengah Bawah sementara naik-johan telah di-menangi oleh Sekolah Menengah Melayu SMJA.

Dalam bahagian perempuan pula, Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim telah menjadi johan dan Maktab Anthony Abell jatoh tempat kedua.

Bagi Sekolah2 Menengah Atas laki2, Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan telah munchol sa-bagai johan sementara Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah menjadi naib-johan.

Dalam bahagian perempuan pula, Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim munchol sa-bagai johan dan naib-johan telah di-sandang oleh Pusat Tingkatan Enam.

Johan dalam tiap2 bahagian telah menerima Oskar yang telah di-hadiahkan oleh EMI Singapura.

Hadiah2 kapada pemenang dalam perlawanan itu telah di-sampaikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Kerma Setia Dato Seri Laila Jasa Awang Mohd Don bin Abdul Latif, Quartermaster Battalion Kedua Askar Melayu Diraja.

Perlawanan ping pong perengkat akhir itu telah di-adakan di-Dewan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim Tutong pada hari Sabtu lalu.

## Seminar bolasepak

